



PERJALANAN SEORANG PEJUANG KANSER

Siti Asmah Mohamed

Masa berlalu begitu pantas sekali. Rupanya sudah setahun lebih berlalu perjalanan suami ku sebagai seorang pejuang kanser. Mengimbu kembali saat sukar itu umpama mimpi yang baru sahaja berlalu. Semuanya masih tersimpan kemas dalam ruang ingatanku. Alhamdulillah berkat kesabaran dan doa daripada keluarga dan kenalan serta semangat yang kuat untuk pulih, segalanya dapat dilalui dengan baik dan dipermudahkan olehNya. Kini suami ku dalam fasa 'remission'. Selepas suamiku disahkan menghidap kanser barulah aku sedar pentingnya pengetahuan tentang kanser, maklumat yang betul dalam rawatan kanser serta merujuk pada mereka yang lebih arif. Pada masa yang sama aku dapat mengalami perasaan ahli keluarga pesakit lain yang turut sama berjuang sebagai pejuang kanser. Dengan sedikit pengetahuan dan pengalaman sebagai penjaga kepada pesakit kanser serta pengalaman mengenali sahabat seperjuangan yang senasib, semoga perkongsian ini bermanfaat dan memberi gambaran yang lebih tepat tentang apa yang pesakit kanser alami serta membuat kita untuk lebih cakna tentang kanser.

Apabila mendapat berita diri atau ahli keluarga disahkan menghidap kanser seolah-olah seperti dijatuhkan hukuman mati. Benarkah kata orang, kanser membunuh dan tidak ada harapan lagi apabila disahkan menghidap kanser. Satu persepsi negatif yang mengaitkan kanser dengan mati. Sering kali stigma terhadap penyakit ini menyebabkan sesetengah individu khawatir untuk menjalani pemeriksaan dan rawatan lanjut sedangkan hakikatnya, peluang kesembuhan terbuka luas, jangan menyerah kalah dan mengalah sebelum mencuba. Jika kita melihat kanser sebagai satu hukuman, maka kita akan nampak lemah dan putus asa. Lihatlah kanser sebagai satu ujian. Kenapa ujian? kerana dalam ujian ada persediaan, ada usaha dan ada kejayaan. Kanser bukan hukuman tapi peringatan yang hanya diberikan kepada orang terpilih olehNya sahaja.

Ada sebabnya pesakit kanser digelar 'seorang pejuang' kerana satu perjuangan yang mesti diteruskan

bagi mengubati fizikal dan mental yang terjejas untuk sebuah kehidupan. Kanser juga dikatakan perjuangan melawan masa. Segalanya perlu pantas, tepat dan mengikut protokolnya kerana semuanya perlu bertindak dengan segera. Sememangnya rawatan kanser tidak mudah. Menahan segala kesan sampingannya saja sudah cukup melelahkan. Merawat kanser sememangnya sukar tetapi merawat emosi penghidap kanser sama sukarnya, bukan hanya kepada pesakit tetapi juga keluarga mereka juga turut terkesan. Hati mana yang tidak terusik apabila mendengar satu persatu sahabat seperjuangan kembali bertemu Ilahi. Hal ini membuatkan aku dan suami adakalanya berada pada titik yang paling lemah. Malah sehingga ada satu ketika suamiku rasa tidak tertahan dan berhasrat untuk menengguhkan rawatan. Disinilah peranan aku dan ahli keluarga memberi semangat serta tidak putus berdoa agar diberikan kesabaran dan ketabahan mengharunginya. Aku yakin ada harapan dan peluang pejuang kanser kembali sembuh dan bertahan dengan jangka hayat yang lama dengan adanya teknologi perubatan yang terkini serta penemuan ubat-ubatan baru hasil penyelidikan. Segalanya mungkin dengan izin Allah, InsyaAllah. Namun, bagi aku hanya ada satu pilihan. Berjuang untuk terus hidup. Lawan dan berjuang. Berjuang hingga bila? hingga sampai waktu dijemput pulang disisiNya.

Penggunaan istilah dalam kanser sangatlah penting untuk memberi kefahaman yang sebenar. Fasa 'remission' merupakan saat paling gembira dan bersyukur bagi setiap pejuang kanser. Fasa ini merupakan fasa rehat buat pejuang kanser dari menerima rawatan kanser seperti kimoterapi, radioterapi, immunoterapi atau lain-lain rawatan kerana tiada tanda-tanda sel kanser aktif dalam badan. Tetapi perlu perjumpaan termujanji (T.C.A) dengan doktor pakar secara berkala untuk memantau kesihatan secara berterusan. Fasa remission bukan bermaksud pesakit kanser tersebut telah bebas kanser. Masih jauh perjalanan untuk 'cancer fighter' untuk bebas dari kanser. Hal ini kerana untuk bergelar 'cancer survivor'

perlu menunggu tempoh lebih daripada 5 tahun. Dalam tempoh tersebut pelbagai perkara yang tidak terjangka boleh berlaku. Proses kejadian kanser sebenarnya adalah sangat kompleks. Setiap jenis kanser walaupun sama tetapi boleh mempunyai sifat berbeza ke atas orang yang berbeza. Kanser ini sifatnya unik. Contohnya suamiku dikenakan satu regim sahaja dalam rawatan kemoterapi. Hal ini kerana sel kanser dikatakan mudah dihapuskan walaupun dengan satu regim rawatan cukup untuk menghapuskan sel kanser meskipun berada di tahap 4. Tetapi sebaliknya bagi sahabat seperjuangan kami walaupun kanser yang sama dan berada pada tahap dua dikenakan dua regim rawatan baru berkesan. Kesimpulannya setiap orang tidak sama sifat kansernya. Dalam fasa remission, keupayaan kanser untuk berulang ataupun “relapse” boleh terjadi walaupun sel kanser sudah dihapuskan sepenuhnya pada peringkat awal. Sehingga hari ini pakar kanser sukar untuk menjangkakan kemungkinan boleh berlakunya kanser berulang dengan tepat kerana banyak faktor yang menentukan keberangkalian kanser berulang berdasarkan kepada ciri-ciri kanser dan diri pesakit kanser. Jarak masa daripada masa kanser dihapuskan sepenuhnya sehingga kanser itu datang semula dikenali sebagai “disease free interval (DFI)”. Pakar kanser mensasarkan DFI yang panjang dan pesakit dianggap sembuh jika DFI boleh mencapai sekurang-kurangnya 10 tahun. Dua tahun pertama adalah paling kritikal sebab jika kanser tersebut berulang, 80% daripadanya berlaku ketika 2 tahun pertama. Semua risiko ini terpaksa pejuang kanser hadapi sepanjang umur hidup mereka. Terdapat juga aku terjumpa kes salah seorang pejuang kanser di mana beliau telah pulih daripada kanser Limfoma, beberapa tahun kemudian beliau telah didiagnos kanser paru-paru iaitu kanser yang berlainan jenis pula. Doktor pakar sendiri juga tidak berani untuk mengisytiharkan pesakit bebas kanser. Istilah yang lebih tepat ialah No Evidence of Disease (N.E.D). Oleh hal yang demikian pemantauan berterusan perlu dilakukan secara berkala kerana kanser ini sangat unik dan boleh bergerak dalam senyap.

Rawatan untuk setiap jenis kanser adalah berbeza bergantung kepada jenis kanser dan tahap peringkat kanser. Contohnya terdapat pesakit kanser

yang memerlukan rawatan kombinasi pembedahan, kemoterapi dan radioterapi. Ada juga yang hanya memerlukan kemoterapi sahaja atau radioterapi sahaja atau kedua-duanya sekali. Doktor akan menilai samada pesakit wajar atau tidak wajar menerima rawatan kemoterapi bergantung kepada kekuatan fizikal dan fungsi organ dalaman pesakit. Sekiranya pesakit dalam keadaan lemah, didiagnos dengan kanser pada tahap advanced dan kemungkinan akan menerima komplikasi yang tinggi, maka rawatan kemoterapi tidak akan diberikan. Sebaliknya bagi pesakit kuat daripada segi fizikal dan mempunyai fungsi organ dalaman yang baik, maka mereka disyorkan untuk menjalani rawatan kemoterapi. Apabila pesakit selesai menjalani rawatan kemoterapi, mereka akan menjalani ujian untuk menentukan keberkesanan rawatan. Jenis-jenis ujian ini bergantung kepada jenis kanser, di antaranya adalah ujian darah mengukur “tumour markers” dan ujian pengimejan seperti CT scan, MRI, PET scan dan lain-lain. Semua sel-sel kanser dapat dihapuskan, seseorang pesakit kanser dikatakan mencapai “complete response”. Terdapat juga pesakit yang tidak semua sel-sel kansernya dapat dihapuskan, mereka dikatakan mencapai “partial response”. Jika kanser tidak menunjukkan sebarang pengurangan, keadaan ini dinamakan “stable disease” dan ada juga yang walaupun diberikan rawatan kanser, kanser mereka terus membesar dan merebak, keadaan ini dinamakan “disease progression”. Pesakit yang mengalami “disease progression” mempunyai kadar penyembuhan yang rendah dan kadar kematian yang tinggi.

Pesakit akan mengalami kesan sampingan ketika melalui rawatan kemoterapi. Antaranya seperti loya, muntah, pecah mulut, cirit birit, kurang selera makan, sel darah putih menurun, kulit menjadi hitam dan kusam, rambut gugur, kuku kehitaman, mudah mendapat jangkitan kuman dan demam serta ada juga yang terpaksa meminta bantuan orang lain untuk menemani atau mengurus diri. Semua simptom seperti ini membuatkan pesakit tidak bermaya, lemah dan kurang selera makan, akibatnya berat badan akan mengusut. Suamiku juga turut mengalami kesan sampingan yang sama sehingga berat badan menurun kepada 50kg. Walaubagaimanapun kesan sampingan ini tidak berlanjutan selepas tamat rawatan dan akan pulih seperti biasa. Alhamdulillah kini berat badannya

kembali normal. Sepanjang tempoh rawatan kemoterapi doktor akan menilai pesakit dan kesan sampingan rawatan yang telah dan sedang dialami pesakit untuk setiap kali kitaran kemoterapi. Manakala ubat yang sesuai turut diberikan selepas menjalani kemoterapi bagi mengurangkan simptom daripada kesan sampingan. Apabila pesakit dalam rawatan kemoterapi, mereka perlulah mengambil pemakanan yang seimbang, bernutrisi bagi mendapatkan semula tenaga dan tingkatkan antibodi badan. Pesakit yang berpantang secara melampau akan membuatkan pesakit akan mengalami kekurangan zat makanan dan mineral sehingga menyebabkan rawatan kemoterapi tertangguh. Disamping itu penyediaan makanan perlu bersih, selamat, tidak tercemar dan dimasak sepenuhnya bagi mengelakkan daripada terkena jangkitan kuman. Dalam soal pemakanan seringkali timbul kekeliruan dan salah faham dikalangan pesakit. Kami juga tidak terkecuali menerima saranan larangan pemakanan tidak betul malah tidak munasabah. Tambahan itu ada yang mensyorkan kami membeli makanan tambahan dengan dakwaan vitamin ajaib yang boleh mencegah serta merawat semua jenis kanser. Sebelum menerima nasihat daripada yang bukan pakar kami akan rujuk pada doktor atau pakar nutrisi bagi mendapatkan info yang tepat.

Semasa tempoh rawatan kemoterapi pakar perubatan juga tidak menggalakkan pesakit mengambil suplemen atau herba. Hal ini dikhuatiri ia akan bertindakbalas dan menjadikan ubat kemo tidak terkesan sehingga mengganggu keberkesanan rawatan kanser tersebut. Dari pengalaman aku, terdapat rakan seperjuangan terpaksa menanggungkan rawatan kerana suplemen yang telah diambil mengganggu bacaan darah dan hati. Ada kes, sahabat seperjuangan mengalami masalah hati dan buah pinggang akibat pengambilan makanan tambahan yang dikatakan boleh merawat kanser. Kebanyakan suplemen tidak terbukti secara saintifik keberkesannya dalam rawatan kanser. Walaupun mungkin ada kesan selepas pengambilan, namun tidak pasti tentang kesan sampingan dan komplikasi yang mungkin berlaku tanpa disedari. Tambahan pula, suplemen ini berkemungkinan telah dimasukkan dengan pelbagai jenis bahan lain termasuklah racun berjadual. Mendapat kelulusan KKM belum menjamin ubat tersebut tidak

mendatangkan bahaya kepada pesakit meskipun produk ini berasaskan bahan semulajadi. Sedangkan ubat kanser melalui proses yang rumit, kajian mendalam dan tempoh yang lama puluhan tahun sebelum diluluskan sebagai ubat dalam rawatan kanser. Jesteru itu jalan terbaik adalah mengikut sahaja pelan dan kaedah rawatan yang dicadangkan oleh doktor pakar adalah salah satu jalan untuk pulih dan menjalani kualiti hidup yang sihat.

Sepanjang pengalaman menguruskan suami menjalani rawatan kemoterapi, terdapat pengalaman pesakit-pesakit kanser yang dikenali boleh dijadikan pengajaran. Tidak dinafikan apabila didiagnos penyakit kanser, wujudnya konflik diantara suami atau isteri, ibu bapa yang tidak membenarkan pesakit menjalani rawatan dihospital. Ada juga pesakit sendiri tidak mahu menerima rawatan di hospital dan ada yang tidak mahu meneruskan rawatan ataupun menghilangkan diri untuk jangkamasa yang panjang semasa tempoh diberikan rawatan kemoterapi. Ada pesakit yang beralih kepada rawatan alternatif kerana ingin mencuba cara rawatan yang lain. Mendengar keluhan penyesalan seorang ibu iaitu penjaga kepada pesakit kanser Limfoma membuatkan aku turut bersimpati. Penjaga membuat keputusan sendiri tanpa mempertimbangkan kemahuan pesakit untuk mendapatkan rawatan di hospital. Kedua ibu dan ayah pesakit menolak rawatan dihospital dan mahu mendapatkan rawatan kampung sepenuhnya. Sebut sahaja tempat rawatan tradisional segera akan ditujui tanpa kira jauh atau dekat. Apabila rawatan tradisional tidak berkesan dan keadaan pesakit semakin lemah sehingga simptom penyakit bertambah teruk, akhirnya baru dibawa ke hospital. Malangnya keadaan pesakit tidak lagi sesuai menerima rawatan dan hayat pesakit tidak panjang dan meninggal dunia. Dalam hal ini, apabila berlaku situasi seperti ini, doktor akan meminta ahli keluarga pesakit hadir sekali semasa janji temu dengan doktor. Doktor akan menjelaskan kaedah rawatan dan menasihati pesakit dan ahli keluarga pesakit tentang kesan penyakit jika rawatan tidak diberikan segera.

Pengalaman berdepan dengan sahabat seperjuangan yang sudah tidak ada rawatan lagi tetapi masih tetap bersemangat untuk berjuang membuatkan aku terdiam tanpa kata. Muhasabah diri. Apakah ada

hari esok untuk dia kerana tiada lagi regim rawatan untuk diberikan. Kanser sudah merebak ke organ lain dalam badan. Hanya rawatan yang diberikan untuk memastikan dia selesa, tidak berada dalam kesakitan pada selang masa yang masih ada. Namun mengetahui hakikat diri menunggu masa untuk menghadap Dia Yang Maha Esa, disaat doktor memberitahu akan hayat tidak lama, pastinya detik paling hiba dan bukan mudah untuk diterima. Bukan saja oleh empunya badan malah ahli keluarga yang tersayang. Kita tidak tahu bila detik kita akan menemui Tuhan Yang Esa. Tetapi mendapat bayangan dan petanda kematian semakin hampir menjemput, membuatkan perasaan pejuang kanser paling bahagia kerana lebih bersedia menghadapi kematian dan bertemu denganNya. Semoga sahabat seperjuangan kami yang telah pergi menghadap Ilahi ditempatkan dikalangan orang-orang beriman. Allah menurunkan penyakit. *Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan). Maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka kemudiannya dan tidak pula dapat mereka dahulukan walau sesaat pun* (Surah al-A'raf:34). Maka ambillah ikhtibar akan keterangan dari ayat Al-Quran, dimana ia membuktikan yang telahan mengenai umur seseorang sama ada panjang atau pendek adalah urusan Allah. Begitu juga dengan harapan untuk hidup atau sembuh.

Mengenali sahabat pejuang kanser dan pesakit kanser yang lain membuat aku berfikir setiap orang diberi ujian mengikut kemampuannya. Allah sendiri telah mengingatkan kita. Tuhan tidak akan memberi dugaan yang hamba-Nya tidak mampu tanangi. Setiap jiwa yang terkesan akibat kanser menjadi sumber inspirasi kepada orang lain. Boleh dilihat pelbagai lapisan usia dan bangsa yang hadir untuk mendapatkan rawatan. Ada bayi kecil yang ditolak dalam stroller hingga ke nenek tua yang berkerusi roda. Semuanya berkongsi misi yang sama, iaitu berjuang untuk terus hidup demi sebuah nyawa. Melihat pesakit lanjut usia yang datang untuk menerima rawatan buat aku sebak. Mereka tidak berkeluh kesah dan hanya menyatakan sakit yang sedang membelenggu tubuh mereka. Mereka sangat kuat, tabah dan tidak menunjukkan tanda berputus asa dengan penyakit menggerunikan ini.

Tetap sabar dalam meladani kehidupan yang menduga mereka. Aku turut berasa kagum dengan semangat wira kecil yang seolah-olah tidak terkesan dengan sakitnya dan tidak terpamer kesakitan itu di wajah mereka. Mereka tetap berlari, berjalan dengan aktif, bergurau dengan keluarga, rakan sebaya dan staf hospital, dan tetap petah berbicara walaupun mereka tahu mereka akan dicucuk dan menempuh rawatan yang menyakitkan. Begitu juga sungguh besar pengorbanan kedua ibu bapa mereka tatkala berusaha mendapatkan rawatan terbaik buat si anak. Ada yang sanggup berhenti kerja, ada diberhentikan kerja kerana kerap mengambil cuti, ada yang terpaksa merentas negeri dan lautan dari Langkawi, ada yang telah lama berkampung di wad dan macam-macam senario lagi yang menginsafkan. Berhadapan dengan pesakit kanser seperti mereka buat aku sedar hakikat mereka bukan sekadar bergelut dengan masalah kesihatan yang dialami, namun harus mengharungi kehidupan dalam kepayahan.

Benarlah, melalui kanser banyak pintu hikmah yang Allah bentangkan untuk aku dan suami untuk melihat dengan mata hati. Banyak yang aku belajar dari setiap pengalaman dalam kehidupan ini dan ambil iktibar. Banyak persahabatan baru yang terjalin. Doa yang tidak putus agar keajaiban dan rahmat Allah sentiasa bersama mengiringi perjalanan hidup buat pejuang kanser. Semoga perkongsian ini membuatkan kita lebih cakna dengan kanser. Menjadi masyarakat yang lebih penyayang dan prihatin kepada penghidap kanser dan ahli keluarga mereka serta menyokong pertubuhan yang mengendalikan hal ehwal kanser. Kanser tidak menegnal siapa. Mari kita lebih prihatin dalam membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa, mengamalkan gaya hidup sihat untuk merendahkan risiko menghidap kanser.

Pautan rujukan:

*Artikel Dato Dr Rushdan Noor, Pakar perunding O&G
FB Group: Malaysia Lymphoma Fighter Family*

